

28 FEB 1997

Abdullah - Hasil

PERBINCANGAN AWAL ATASI PENDATANG MASUK MELALUI SEMPADAN M'SIA-THAI

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Pegawai-pegawai kanan Malaysia dan Thailand telah memulakan perbincangan awal bagi mencari jalan mengatasi masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara ini melalui Thailand, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Mereka telah mengadakan perbincangan awal dan akan mengadakan perbincangan seterusnya untuk menyelesaikan perkara ini," katanya selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Thailand Jeneral Chavalit Yongchaiyudh di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Chavalit mengakhiri lawatan dua hari ke Malaysia yang bermula semalam.

Abdullah menyifatkan perkembangan itu sebagai sesuatu yang baik dan menunjukkan terdapatnya tindakan segera yang diambil walaupun Chavalit masih berada di negara ini ketika perbincangan diadakan.

Laporan berita baru-baru ini menyebut lebih 30,000 pendatang tanpa izin berada di sempadan di sebelah Thailand menunggu untuk memasuki Malaysia.

Bulan lepas, pihak berkuasa Thailand menangkap lebih 200 pendatang tanpa izin terutamanya rakyat Bangladesh dan Myanmar yang ingin menyelinap masuk ke Malaysia melalui sempadan bersama itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada jamuan makan bagi meraikan Chavalit di kediamannya di Sri Perdana malam tadi menyatakan penghargaan Malaysia kepada kerajaan Thailand dalam usaha membantu menyelesaikan masalah itu.

Abdullah berkata beliau juga memaklumkan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Luar Thailand Saroj Chavanaviraj bahawa Malaysia benar-benar ingin mengatasi masalah penandaan sempadan dalam tempoh 60 hari seperti yang dipersetujui kedua-dua pihak pada perbincangan dua hala semalam.

Menteri Luar menyifatkan lawatan Chavalit sebagai sangat berhasil walaupun ia mengambil masa yang singkat.

"Lawatan ini berhasil walaupun ia cuma mengambil masa dua hari. Banyak yang telah dicapai dan ini menunjukkan kedua-dua pemimpin mempunyai persefahaman yang amat baik," katanya.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Chavalit ialah Duta Thailand ke Malaysia Suchitra Hiranprueck dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob selaku menteri pengiring. -- BERNAMA

MAM WAT AKD